
UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua
Sidang Akademik 2001/2002

Februari/Mac 2002

SBU221 – Masyarakat dan Teknologi

Masa : 3 jam

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi **DUA** muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab **TIGA** (3) Soalan

1. a. Huraikan maksud teknologi. (30 markah)

- b. Bincangkan bagaimana masyarakat menyesuaikan diri dengan perkembangan teknologi. (70 markah)

2. a. Bincangkan hubungan antara budaya dengan teknologi. (40 markah)

- b. Apakah perbezaan hubungan tersebut pada zaman sebelum kewujudan teknologi moden berbanding dengan hubungan selepas teknologi moden diperkenalkan. (60 markah)

3. a. Bincangkan empat unsur utama dalam perkembangan teknologi
(40 markah)

b. Mengapakah teknologi tidak boleh dibiarkan berkembang tanpa pengawasan?
(60 markah)

4. a. Bincangkan peringkat-peringkat perpindahan teknologi dalam sektor elektronik di negara ini.
(50 markah)

b. Mengapakah wujud perbezaan kadar kepesatan perpindahan teknologi antara firma Jepun dan firma Amerika yang terdapat di negara ini?
(50 markah)

5. Kejuruteraan genetik lebih memudarat kehidupan manusia berbanding dengan faedah yang disumbangkan. Berdasarkan contoh-contoh yang sesuai huraikan sejauhmana anda bersetuju dengan pernyataan tersebut.
(100 markah)

6. Tuliskan nota ringkas berhubung dengan konsep-konsep di bawah.
(100 markah)

 - a. Ciptaan Dinamik Sosial
 - b. Pendekatan “heuristic”
 - c. Himpunan budaya
 - d. Budaya penyesuaian